

## ADAT TURUN TANAH DI PASIR MAS KELANTAN

AZLINA MUSA

Universiti Malaysia Terengganu

[azlinamusa@umt.edu.my](mailto:azlinamusa@umt.edu.my)

YUSMILAYATI YUNOS\*

Universiti Kebangsaan Malaysia

[yusmila@ukm.edu.my](mailto:yusmila@ukm.edu.my)

MUHAMAD NAZRI AHMAD

Universiti Kebangsaan Malaysia

[mnazri@ukm.edu.my](mailto:mnazri@ukm.edu.my)

\*Penulis Koresponden

### ABSTRAK

Adat turun tanah dikenali juga adat mencecah tanah atau memijak tanah atau jejak tanah. Adat ini merupakan satu bentuk ritual yang telah pun diamalkan semenjak zaman nenek moyang dahulu dan masih lagi dipraktikkan oleh orang kampung khususnya di beberapa daerah terpencil pedalaman Pasir Mas Kelantan. Adat turun tanah merupakan satu bentuk upacara yang diadakan untuk meraikan kanak-kanak yang berusia empat puluh hari atau empat puluh empat hari untuk buat pertama kalinya mencecah kaki ke tanah. Pada masa sekarang adat ini jarang diamalkan kerana kurangnya pengamal yang berilmu untuk melakukan upacara ini. Namun begitu, di sesetengah tempat, amalan ini masih dijalankan dan sambutannya agak meriah. Mengapakah hal sedemikian berlaku dan bagaimana upacara adat turun tanah dilakukan? Tujuan penulisan ini untuk menjelaskan adat turun tanah dan proses upacara turun tanah. Penulisan ini menggunakan kaedah kerja lapangan yang melibatkan proses temu bual dan kajian perpustakaan bagi melengkapkan data. Dapatkan penulisan ini menunjukkan kanak-kanak yang terlibat dalam upacara mencecah tanah terdiri daripada dua kategori. Kategori pertama ialah kanak-kanak berusia empat puluh hari atau empat puluh empat hari. Kanak-kanak ini akan melalui upacara bercukur secara serentak dengan upacara mencecah tanah. Kategori kedua ialah kanak-kanak yang melebihi tempoh lepas hari (44 hari) tetapi masih tidak pandai berjalan. Kanak-kanak sedemikian dikatakan akan menjalani upacara turun tanah dengan bantuan bomoh atau bidan kampung dengan bacaan doa dalam upacara turun tanah. Adat ini merupakan simbolik daripada alam bayi kepada alam kanak-kanak agar cepat berjalan dan mengenali alam. Adat sedemikian jarang dilakukan namun masih terdapat beberapa kawasan di daerah Pasir Mas masih menjadikannya sebagai amalan.

**Kata kunci:** Adat; amalan; bacaan doa; bercukur; upacara

## THE CUSTOM OF *TURUN TANAH* IN PASIR MAS KELANTAN

### ABSTRACT

The custom of going down to the ground is also known as the custom of reaching the ground or stepping on the ground or tracing the ground. This custom is a form of ritual that has been practiced since the time of our ancestors and is still practiced by the villagers, especially in some remote areas in the interior of Pasir Mas Kelantan. The custom of going down to the ground is a form of ceremony held to celebrate a child who is forty days old or forty-four days to first touch his feet to the ground. Nowadays this custom is rarely practiced due to the lack of knowledgeable practitioners to perform this ceremony. However, in some places, this practice is still carried out and the response is quite lively. Why do such things happen and how do traditional ceremonies go down? The purpose of this writing is to explain the customs of the descent and the process of the descent ceremony. This writing uses fieldwork methods involving interview process and library study to complete the data. The findings of this writing show that the children involved in the groundbreaking ceremony consisted of two categories. The first category is children aged forty days or forty-four days. These children will go through a shaving ceremony simultaneously with a ground-breaking ceremony. The second category is children who exceed the last period of the day (44 days) but are still not good at walking. Such children are said to undergo a groundbreaking ceremony with the help of a shaman or village midwife with a prayer recitation in a groundbreaking ceremony. This custom is symbolic from the nature of the baby to the world of children to walk fast and get to know nature. Such customs are rarely done but there are still some areas in the Pasir Mas district still make it a practice.

**Keywords:** Custom; practice; prayer reading; shaving; ceremony

### PENGENALAN

Masyarakat Melayu dipercayai masih lagi berpegang teguh terhadap kepercayaan warisan yang berteraskan animisme, Hindu Buddha dan Islam dalam ritual-ritual tertentu. Keadaan ini dapat dilihat mulai awal kelahiran seseorang sehingga kematiannya yang melibatkan upacara perbomohan. Berlandaskan kepercayaan ini, orang Melayu menganggap bahawa setiap benda dikatakan mempunyai jiwa, roh dan semangat yang mempunyai perwatakannya yang tersendiri. Harun Jaafar (2004), menyatakan transisi ritual dalam individu Melayu dikatakan bermula semenjak zaman kanak-kanak sehinggalah mereka ke liang kubur. Misalnya dalam proses menyambut kelahiran kanak-kanak, terdapat beberapa ritual yang diamalkan sehingga hari ini seperti ritual membela mulut, bercukur rambut, memberi nama atau pun naik buai dan adat turun tanah. Adat merupakan satu cara hidup (*way life*) yang sentiasa menjadi pegangan turun-temurun sehingga menjadi hukum yang perlu dipatuhi dan diikuti. Kebudayaan dan adat merupakan tradisi atau cara hidup suatu masyarakat. Adat wujud dalam setiap masyarakat yang berbilang agama (Zurina Abdullah & Muhammad Abdul Jalal Abdullah, 2019).

Amalan adat turun tanah misalnya masih lagi diperlakukan oleh masyarakat Melayu di kawasan pedalaman daerah Pasir Mas. Jika diperhatikan, orang Melayu mempercayai bahawa kelahiran bayi merupakan satu rahmat dan pembawa rezeki. Justeru itu, sebagai tanda kesyukuran dan memohon keberkatan serta kesejahteraan kepada kanak-kanak, beberapa adat akan dilakukan. Ia merupakan satu cara orang tua-tua dahulu meraikan orang baru dalam kehidupan mereka. Menurut Jawiah Dakir dan Wan Awang Wan Ali (2010), kepercayaan yang menebal dalam kalangan orang Melayu seperti ibu yang mengandung dilarang sama sekali turun

ke tanah. Sekiranya pantang larang ini dilanggar, ibu yang mengandung dipercayai akan diganggu oleh syaitan dan menerima akibat buruk. Oleh itu, upacara turun tanah diadakan khususnya untuk meraikan kanak-kanak yang baru hendak berjalan dengan bantuan bomoh atau bidan berusia. Selain untuk memperkenalkan kanak-kanak dengan tanah yang menjadi unsur kejadian manusia, upacara ini juga bertujuan mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku kepada kanak-kanak tersebut.

Sehubungan itu, upacara turun tanah memperlihatkan jalinan perhubungan akrab manusia dengan alam ghaib bertujuan memohon keizinan kepada penghuni alam agar memberi kesejahteraan dalam hidup kanak-kanak seperti memohon dipanjangkan usia, memohon menjadi anak yang baik atau pun perlindungan daripada kerosakan mahu pun gangguan roh jahat, jin tanah, jembalang dan hantu yang dikatakan suka mengganggu kanak-kanak dan juga wanita selepas bersalin. Masyarakat Melayu mempercayai bahawa hantu dan makhluk halus dapat mendatangkan kemudarat serta penyakit tertentu khususnya kepada mereka yang lemah semangat seperti wanita yang baru bersalin dan kanak-kanak. Antara penyakit yang biasa dikaitkan dengan gangguan hantu dan makhluk halus ialah gila meroyan, cacar, cacar air, campak dan juga sawan. Selain itu, upacara turun tanah turut melibatkan mandi perlimau (mandi limau) yang dikenali juga sebagai mandi beluru atau sintuk di Kelantan. Mandi ini dikatakan mampu menolak bala daripada menimpa hidup kanak-kanak dan ibu bayi berkenaan. Ketika upacara turun tanah dilakukan, semangat kanak-kanak turut dipulihkan dengan cara menyatakan perkataan yang baik atau perkara yang baik di hadapan kanak-kanak agar diperteguhkan semangat. Misalnya seperti demikian; *“Adam, besar nanti jadi anak yang baik dan dengar cakap ibu bapa. Belajar rajin-rajin ya. Biar pandai belajar, pandai mengaji, patuh kepada ibu dan ayah. Adam mesti rajin solat supaya Allah murahkan rezeki dan beri kesenangan kepada Adam...”*

Ayat tersebut ditujukan kepada kanak-kanak kerana kanak-kanak diakui sebagai golongan yang sensitif dan bersifat lemah semangat serta berdarah manis. Wan Ramli Wan Muhamad (2006) menyatakan kepercayaan mengenai wanita yang melahirkan anak menyebabkan sejenis hantu akan datang atau pun mengganggu perempuan yang bersalin untuk menghisap darahnya. Sekiranya ia tidak berpuas hati dengan darah si ibu maka ia akan menghisap pula darah anak kecil. Justeru itu, adat turun tanah dilakukan sebagai satu cara mengelakkan gangguan tersebut. Pada kebiasaannya kenduri kendara akan diadakan untuk meraikan upacara turun tanah dengan bantuan bomoh atau bidan kampung. Upacara ini dilakukan dengan bacaan doa bagi memohon kesejahteraan mereka yang terlibat dalam upacara berkenaan. Bomoh atau bidan akan menentukan bahan-bahan serta memilih hari tertentu (hari yang baik) bagi menyempurnakan upacara turun tanah agar ia berjalan dengan lancar dan teratur. Sebagai menghargai jasa bomoh atau bidan pengeras akan diberikan sebagai syarat yang dikenakan dalam setiap upacara.

## KONSEP ADAT TURUN TANAH

Masyarakat pribumi sangat beretika apabila berinteraksi dengan alam sekitar. Cara hidup seharian mereka penuh dengan elemen kasih sayang dan penghormatan terhadap alam. Mereka bukan sahaja menjadikan hutan dan alam semula jadi sebagai tempat tinggal yang aman tetapi memperoleh sumber makanan, ubat-ubatan, air minuman dan semua keperluan hidup, selain menyerlahkan manifestasi amalan, kepercayaan dan pemujaan terhadap kuasa ghaib (Maharam Mamat 2015). Justeru adat turun tanah dilakukan bagi menunjukkan interaksi masyarakat dengan alam sekitar.

Adat turun tanah dikenali juga adat mencecah tanah atau memijak tanah atau jejak tanah atau dipanggil *peutron aneuk u tanoh* dalam kalangan orang Aceh. Ia merupakan satu bentuk ritual yang telah pun diamalkan semenjak zaman nenek moyang dahulu dan masih lagi

dipraktikkan oleh orang kampung khususnya di beberapa daerah terpencil pedalaman Pasir Mas Kelantan. Adat turun tanah merupakan satu bentuk upacara yang diadakan untuk meraikan kanak-kanak yang berusia empat puluh hari atau empat puluh empat hari untuk buat pertama kalinya mencecah kaki ke tanah. H. M. Sidin (1964) menyatakan permulaan dalam adat turun tanah ialah setelah ibu lepas hari iaitu empat puluh hari atau empat puluh empat hari atau pun sebelum kanak-kanak itu berumur tiga atau pun empat bulan. Menurut pandangan bomoh Din Che Dollah (2014), dalam kepercayaan orang tua-tua Melayu Kelantan kanak-kanak yang masih dalam tempoh berpantang atau belum lepas hari dilarang sama sekali turun ke tanah selagi ia tidak mengikuti upacara turun tanah. Mereka dikatakan mudah disampuk oleh hantu syaitan. Oleh itu, selagi ibu tidak habis tempoh berpantang, kanak-kanak dikatakan tidak boleh keluar rumah atau pun dibawa bersiar-siar kerana dikhuatiri tersampuk hantu jembalang. Setelah kanak-kanak melalui tempoh lepas hari, mereka mestilah melakukan adat mencecah kaki ke tanah yang diadakan pada hari berangka ganjil bagi memohon keizinan daripada penghuni alam dan mengenalkan kanak-kanak tersebut kepada tanah. Pada masa yang sama, upacara ini mengharapkan agar kanak-kanak berkenaan akan terhindar daripada mara berbahaya dalam kehidupannya kelak.

Sejurus selesai upacara turun tanah dan dimesrai dengan tanah maka kanak-kanak dikatakan akan bebas untuk pergi ke mana-mana juar tempoh tanpa perlu dibimbangi atau pun ditakuti oleh gangguan hantu jembalang. Berbanding dengan pandangan Yahya Yaacob (1982), kanak-kanak yang tidak pandai berjalan tidak dibenarkan mencecah tanah. Oleh itu, kanak-kanak yang belum tiba masanya untuk dicecahkan kakinya ke tanah akan dikawal secara rapi agar tidak terjadi sesuatu yang tidak diingini terhadap kanak-kanak berkenaan. Hal demikian dapat dilihat dalam kepercayaan orang Melayu yang mengatakan jika kanak-kanak ini tidak menjalani adat turun tanah mereka dikhuatiri mendapat sakit sehingga boleh menjadi buta, pekak, hilang akal atau pun cacat anggota yang lain.

Kanak-kanak yang terlibat dalam upacara mencecah tanah terdiri daripada dua kategori. Kategori pertama ialah kanak-kanak berusia empat puluh hari atau empat puluh empat hari. Kanak-kanak ini akan melalui upacara bercukur secara serentak dengan upacara mencecah tanah. Tujuannya untuk memulihkan semangat dan menghalau hantu jembalang yang berniat jahat terhadap kanak-kanak. Terdapat kepercayaan yang masih lagi menebal dalam kalangan orang-orang Melayu Kelantan yang menyatakan bahawa kanak-kanak dikatakan akan kembali aktif, berasa ringan tubuh dan cepat pandai berjalan sebaik sahaja selesai upacara turun tanah (Din Che Dollah, 2014).

Manakala kategori kedua pula ialah kanak-kanak yang melebihi tempoh lepas hari (44 hari) tetapi masih tidak pandai berjalan. Kanak-kanak sedemikian dikatakan akan menjalani upacara turun tanah dengan bantuan bomoh atau bidan kampung dengan bacaan doa dalam upacara turun tanah. Menurut kepercayaan orang-orang Melayu Kelantan, kanak-kanak yang masih tidak pandai berjalan atau lambat bertutur disebabkan oleh berat tubuh. Berat tubuh berlaku akibat gangguan semangat jahat yang menumpang pada tubuh kanak-kanak. Keadaan ini menyebabkan kanak-kanak kelihatan letih, lesu dan lemah semangat (Jenab Daud, 2014). Lazimnya upacara turun tanah akan dilaksanakan dengan bantuan bidan atau bomoh kampung.

Bagi mengatasi masalah ini bomoh atau bidan kampung akan dipanggil untuk melakukan ikhtiar berubat bagi menyembuhkan penyakit yang dihidapi oleh kanak-kanak berkenaan. Misalnya dengan mengadakan kenduri bagi meraikan upacara turun tanah sebagai satu cara mewujudkan pendamaian manusia dengan makhluk ghaib melalui bantuan bomoh atau bidan. Upacara ini dilakukan dengan bacaan mantera sebagai syarat berhubung dengan makhluk ghaib. Upacara ini juga dilakukan untuk membuang penyakit sukar berjalan atau berat kaki untuk berjalan dan memulihkan semula semangat kanak-kanak yang lemah semangat agar pulih seperti sedia kala.

Istilah turun tanah bermakna kanak-kanak buat pertama kalinya akan dilepaskan dari pangkuhan ibu bapanya untuk mencecah kaki ke tanah sebagai simbolik meneruskan kehidupan dan mengenal alam. Ritual turun tanah ialah simbolik peralihan (pelepasan) individu daripada kehidupan kanak-kanak untuk menempuh kehidupan sehari-hari dan akan datang. Menurut Ismail Hamid (1980) upacara menyambut perubahan dalam hidup individu Melayu dikatakan bermula sejak kanak-kanak hingga ke liang kubur. Setiap individu akan melalui upacara tertentu dari dalam perut ibunya lagi yang dikenal sebagai adat melenggang perut. Apabila bayi itu lahir ke dunia maka akan diadakan pula upacara membela mulut. Kemudian diikuti adat naik buai atau mencuci lantai. Selepas itu, bayi akan menempuh satu upacara lagi yang diberi nama istiadat mencukur rambut diikuti adat memijak tanah dan upacara bertindik telinga. Apabila individu itu besar dia akan dikahwin. Akhir sekali apabila individu itu meninggal dunia akan diadakan upacara untuknya menuju alam kubur.

### UPACARA DALAM ADAT ISTIADAT TURUN TANAH

Upacara adat turun tanah ialah amalan menurunkan kanak-kanak dengan bantuan bomoh atau bidan kampung dengan bacaan doa. Semasa upacara ini dilakukan kanak-kanak akan diampu dan diturunkan ke tanah buat pertama kalinya. Umumnya upacara turun tanah diadakan sebaik selesai sahaja upacara bercukur jambul atau pun naik buai bagi bayi. Namun, terdapat juga segelintir masyarakat yang mengadakan upacara bercukur rambut atau turun tanah bagi kanak-kanak secara berasingan. Upacara turun tanah diadakan bertujuan memberikan kekuatan semangat dan menghalau hantu jembalang yang menyebabkan penyakit serta memohon kebaikan pada kanak-kanak agar menjadi seorang anak yang rajin, berakhhlak, menghormati orang tua serta menghormati semangat tanah.

Adat turun tanah merupakan khazanah warisan orang tua-tua dulu yang masih lagi diamalkan oleh masyarakat kini. Amalan mencecah tanah yang diamalkan oleh masyarakat Melayu berbeza dari satu tempat dengan tempat yang lain. Namun begitu upacara ini dikatakan untuk menghalau roh jahat, hantu, jin atau jembalang jahat daripada menganggu kanak-kanak yang baru lahir ke dunia. Ab. Razak Ab. Karim (2006) menyatakan orang Melayu mempercayai bahawa tubuh badan manusia mempunyai empat unsur yang penting iaitu tanah, air, api dan angin. Setiap unsur yang ada pada manusia mestilah seimbang dan sekiranya salah satu daripada unsur ini berkurangan atau pun berlebihan boleh menyebabkan penyakit pada tubuh badan seseorang. Orang Melayu mempercayai bahawa tanah mempunyai unsur yang dingin atau kering, air pula mempunyai sifat dingin serta basah, api pula mempunyai sifat panas dan kering. Manakala angin pula mempunyai sifat panas serta basah. Oleh itu empat unsur iaitu tanah, air, api dan angin mestilah seimbang dalam badan manusia bagi mengelakkan gangguan tubuh badan yang boleh mendatangkan penyakit atau pun keuzuran. Melalui kepercayaan ini upacara turun tanah masih dipertahankan sebagai satu cara manusia menolak bala atau pun menjauhi penyakit akibat gangguan makhluk ghaib.

Adat turun tanah dilakukan sebaik sahaja kanak-kanak selesai melakukan upacara bercukur rambut. Adat turun tanah ini menandakan berakhirnya tempoh berpantang bagi kanak-kanak sebagai peralihan menempuh kehidupan sepanjang hayatnya. Abdul Jalal Ajmain, Sim Chee Wing & Sim Hock Hye (1960) yang menyatakan, kadang kala kenduri adat turun tanah atau pun jejak tanah ini akan disekalikan dengan adat bergunting rambut bagi bayi. Malahan ada juga yang mengadakan adat istiadat bergunting rambut berasingan dengan adat jejak tanah pada satu masa yang lain. Sekiranya upacara turun tanah dibuat bersama-sama dengan adat bergunting rambut maka, anak kecil itu akan dibawa keluar bersama-sama dengan sebuah talam atau pun dulang yang berisi dengan pasir di tengahnya. Bahagian kelilingnya akan diletakkan dengan berbagai-bagi jenis makanan yang terdiri daripada ubi-ubi yang berjenis-jenis banyaknya iaitu

tujuh jenis atau pun sedapatnya. Selain itu, ada juga yang meletakkan buah-buahan sebagai gantinya dan mestilah diletakkan dalam angka ganjil. Setelah itu, anak kecil itu akan mula dipijakkan kaki ke tanah dengan bantuan oleh salah seorang tua yang dihormati di dalam majlis tersebut. Di samping itu, tujuan dulang yang diletakkan dengan hasil-hasil tanaman ubi atau pun buah-buahan adalah agar kanak-kanak itu apabila besar kelak akan berbudi kepada tanah yang senantiasa kaya dengan hasil buminya dan juga mudah-mudahan anak-anak itu akan beroleh kehidupan yang rajin dan juga makmur.

Hal tersebut sesuai dengan pandangan yang dikemukakan oleh Mochtar H. Md. Dom (1979: 33) yang menyatakan;

...sometimes this ceremony is performed together with the hair shaving ceremony. If this case, after having been shaved, the baby put onto a round winnowing tray, the middle of which has been filled with earth or sand filtered through a coarse cloth. Around the baby are put various foods such as topiaca, yams, bananas, sweet potatoes and other edibles, not less than seven in all. Sometimes a selections of fruits is provided instead.

Petikan teks di atas menerangkan bahawa sebaik sahaja selesai majlis bercukur rambut kemudian bayi akan melalui pula upacara memijak kaki ke tanah. Sementara buah-buahan akan diletakkan dalam angka ganjil dalam talam atau dulang. Kemudian bayi akan memilih buah-buahan tersebut. Oleh itu, bomoh atau bidan kampung akan meramal mengenai masa depan kanak-kanak kelak berdasarkan perilaku atau watak yang ditonjolkan oleh kanak-kanak semasa istiadat upacara turun tanah.

Selain itu, terdapat juga segelintir masyarakat yang mengadakan kenduri doa selamat bagi upacara turun tanah. Setelah kenduri selesai maka diadakan pula upacara turun tanah bagi bayi. Selalunya tikar akan dibentangkan di hadapan tangga sebagai alas bagi bayi berkenaan untuk berjalan. Manakala di atas tikar pula akan disediakan beberapa jenis dulang yang berisi bermacam-macam jenis barang yang termasuk makanan dan minuman. Barang yang sering kali diletakkan di atas dulang itu ialah cermin, sikat, jam tangan, gelang, cincin, rantai, bedak, kain, kasut, gunting, bubur, air sejuk dan wang. Jumlah barang yang diletakkan didalam dulang adalah dalam angka yang ganjil. Kemudian, kanak-kanak tersebut akan dibiarkan bergerak bersendirian untuk memilih barang tersebut dan ia hanya dihadkan kepada tiga jenis barang sahaja. Dalam kepercayaan orang Melayu pula adat istiadat ini dilakukan adalah untuk meramalkan masa depan kanak-kanak tersebut yang berdasarkan kepada jenis-jenis barang yang telah diambil oleh kanak-kanak berkenaan. Misalnya jika kanak-kanak berkenaan mengambil gunting maka diramalkan bahawa kelak kanak-kanak berkenaan akan bekerja dengan kuat atau pun pandai untuk membuat kerja tangan.

H. M. Nasruddin Anshoriy Ch dan Sudarsono S. H (2008) menyatakan dalam upacara turun tanah kanak-kanak dianggap untuk pertama kalinya turun ke tanah. Dalam upacara ini berbagai-bagai makanan dan buah-buahan disediakan dalam kenduri doa selamat yang dinamakan *selamatan*. Dalam kenduri ini kanak-kanak akan dimasukkan ke dalam kurungan yang didalamnya terdapat berbagai-bagai jenis benda antaranya ialah wang, pensil, beras, kaca dan juga pisau. Sekiranya anak mengambil salah satu benda tersebut maka kelak ia akan mempunyai kecekapan dan kepandaian dalam pekerjaan sepertimana perolehan barang yang diperolehi oleh anak tersebut. Misalnya anak yang mengambil pensel maka diramalkan bahawa kelak anak berkenaan akan menjadi pegawai atau pun orang yang tugasnya adalah menjalankan pekerjaan sebagai menulis. Manakala jika anak mengambil beras pula bermakna anak berkenaan akan menjalankan pekerjaan sebagai petani. Bagi anak yang mengambil pisau pula bermakna dia akan menjadi perajurit dan seorang yang berani. Sebaliknya jika anak itu mengambil wang dia diramalkan akan menjadi seorang pedagang yang kaya dan jika anak itu mengambil cermin maka diramalkan bahawa kelak dia akan menjadi seorang aktor atau suka bersolek. Terdapat pelbagai ramalan dilakukan oleh bomoh atau bidan berdasarkan bahan-bahan yang disediakan semasa

upacara turun tanah. Tujuannya penyediaan bahan tersebut sebagai simbol pekerjaan yang bakal dilakukan oleh kanak-kanak setelah dewasa kelak.

Yusuf Qardhawy dan Muhammad Al-Ghazali (2004) menyatakan *rammal* (peramal) ialah orang yang mengklaim atau mengetahui akan hal-hal yang ghaib baik tentang masa mendatang atau pun yang ada pada hati manusia baik dengan cara berhubungan dengan jin atau pun melihat (mengamati) atau pun dengan menggaris-garis di pasir atau membaca lepek (benda) yang biasa dipakai untuk gelas minum atau dengan lain-lain. Sehubungan itu sifat dan juga watak atau perilaku kanak-kanak kelak dikatakan boleh diramalkan berdasarkan kepada benda-benda yang diambil oleh bayi berkenaan sama ada mendatangkan tuah atau pun sial. Walau bagaimanapun, ramalan sifat atau perwatakan atau pun masa depan kanak-kanak dikatakan dapat diketahui melalui petunjuk atau alamat diperolehi berpandukan batiniah atau fizikal (luaran). Oleh itu, bomoh atau bidan boleh menilik (melihat) setiap pergerakan, tingkah laku atau pun kepekaan organ deria kanak-kanak terhadap ransangan di persekitaran menggambarkan sifat seseorang sama ada membawa kebaikan atau kecelakaan. Oleh itu, perkembangan seseorang kanak-kanak dikatakan dapat dikesan dari awal lagi iaitu setiap perkembangan peringkat kanak-kanak berkenaan boleh dikenal pasti dari kanak-kanak mula merangkak dan berjalan bahkan begitu juga dalam upacara turun tanah menyebabkan bomoh atau bidan bertauliah dikatakan boleh meramalkan kemampuan kanak-kanak pada masa akan datang dalam ritual perbomohan dan perubatan tradisional Melayu.

Ismail Hamid (1991) menyatakan upacara turun tanah bagi kanak-kanak dilakukan adalah bertujuan untuk mengelakkan bayi tersebut terkena sampuk hantu dan syaitan. Di samping itu, upacara turun tanah juga dilakukan adalah untuk menjauhi bayi daripada terkena penyakit sawan dan memberikan semangat pada bayi yang baru lahir. Menurut beliau, terdapat adat istiadat menjek tanah yang dilakukan secara sederhana sahaja iaitu adat ini akan dilakukan dengan memijakkkan kaki kanak-kanak berkenaan pada piring-piring kecil yang telah pun berisi dengan padi, beras kunyit, tanah dan lain-lain yang telah pun dijampi terlebih dahulu. Kemudianya kanak-kanak akan dipijakkan kaki ke tanah. Manakala Zulfikar Fu'ad (2004) pula menyatakan bahawa kebiasaannya kelahiran bayi yang berumur empat puluh hari akan diadakan pula istiadat yang dikenali sebagai *mahau manuk* atau pun turun tanah bagi menyambut kelahiran bayi yang baru dilahirkan. Kebiasaannya dalam istiadat turun tanah ini bayi akan dibawa turun dari rumah untuk mengenal bumi kemudian diikuti pula dengan pemberian makanan kepada ayam-ayam ternak. Upacara turun tanah ini biasanya diadakan dengan upacara cukuran bagi bayi iaitu rambut bayi akan dicukur gundul. Kemudian akan diikuti pula dengan upacara turun tanah agar bayi diringankan tubuh badan untuk mempercepatkan bayi pandai berjalan.

### ADAT TURUN TANAH DI PASIR MAS KELANTAN

Kenduri kendara dalam adat turun tanah masih diamalkan oleh orang kampung di pedalaman Kelantan sebagai meraikan anak yang baru hendak pandai berjalan. Upacara turun tanah dilakukan dengan berbagai-bagai cara bergantung kepada adat di sesuatu tempat dan kemampuan ibu bapa sama ada mahu membuat kenduri kecil, kenduri sederhana atau kenduri besar-besaran. Zainab Ismail (2014) menyatakan terdapat amalan mencecah tanah yang dilakukan oleh orang kampung dengan mencecah kaki bayi pada embun tanah di halaman rumah. Beliau menyatakan seeloknya proses ini dilakukan pada waktu pagi selepas Subuh sebagai meraikan kelahiran bayi baru yang dikatakan hendak pandai berjalan dan baru hendak mengenal kebesaran tanah serta kebesaran langit.

Selain itu, terdapat juga segelintir orang kampung di Kelantan yang melakukan adat memijak tanah dengan menggunakan sekepal tanah yang akan diletakkan ke dalam dulang yang terdiri daripada duit pengeras, bertih dan tanah. Seeloknya sekepal tanah diambil dengan bacaan

doa pada waktu pagi Subuh. Kemudian bayi akan diampu oleh bomoh kemudiannya telapak kaki bayi akan dicecahkan pada sekepal tanah dan peralatan lain di dalam dulang. Amalan ini dilakukan agar bayi dapat dimesrai dengan tanah.

Bomoh Din Che Dollah (2014) pula menyatakan adat turun tanah dalam kalangan orang kampung dilakukan dengan cara mengadakan kenduri kendara dan melibatkan penggunaan beras kunyit, pengeras RM 2.25, peralatan besi sama ada kapak atau parang. Selain itu, penyediaan bunga-bungaan sebanyak tujuh jenis yang berlainan warna dan bau. Hakikatnya penggunaan tujuh jenis bunga yang disediakan dalam upacara turun tanah dikatakan mempunyai hubung kait dengan puteri tujuh yang telah menjelma menjadi bunga. Beliau menyatakan pemilihan hari yang paling baik untuk mengadakan upacara turun tanah ialah hari dalam angka ganjil agar kanak-kanak dan keluarganya beroleh kebaikan dan manfaat pada hari berkenaan. Seeloknya hari tersebut ialah hari Isnin, Khamis atau Jumaat dan pada waktu pagi sebelum matahari naik. Pada hari dan masa itulah, upacara turun tanah dilakukan bertujuan untuk memberi tabik hormat atau memohon keizinan (restu) segenap penghuni alam atau pun memohon kepada Tuhan (Allah) dan segenap unsur alam agar diberikan semangat, diperpanjangkan usia, senantiasa terpelihara dan dianugerahkan kemasyhuran, dimurahkan rezeki, kesenangan, kekayaan dan juga kebahagiaan sepanjang hayat kepada bayi atau kanak-kanak apabila dewasa kelak.

Sejurus kemudiannya dengan bacaan jampi mantera oleh bidan atau bomoh maka kanak-kanak akan mencecah tanah yang berlapik besi seperti parang atau pun kapak yang diletakkan di pintu utama rumah sebagai alas untuk kanak-kanak sebelum mencecah ke tanah. Ini merupakan salah satu syarat untuk membolehkan kanak-kanak turun ke tanah. Oleh itu, kanak-kanak akan memijak kaki pada parang dengan bantuan bomoh atau bidan dengan bacaan doa memohon keselamatan dan kesejahteraan kepada kanak-kanak tersebut. Berikut merupakan gambar kanak-kanak yang melalui upacara turun tanah dengan bantuan bomoh berpengalaman.



GAMBAR 1. Upacara Mencecah Kanak-kanak pada Parang Besi di Pintu Utama Rumah  
Sumber: Ihsan Azlina Musa 2016

Sebaik selesai upacara mencecah bayi pada parang besi di pintu utama rumah kemudian bayi akan di bawa pula turun tangga untuk mencecah tanah yang telah ditaburkan dengan bunga dan beras kunyit. Dalam kepercayaan orang Melayu pula penggunaan beras kunyit adalah untuk

menghalau roh jahat daripada menganggu kanak-kanak dan juga menguatkan semangat kanak-kanak. Oleh itu, upacara turun tanah dijalankan adalah sebagai simbolik untuk mengenalkan bayi kepada tanah agar kanak-kanak ini dapat memesrai dirinya dengan tanah sambil dibacakan doa seperti berikut: “*Wahai budak kecil, inilah tanah tempat asal usulmu, mudah-mudahan mu besar kelak akan menggunakan kudratmu pada tanah tempat mu berpijak, moga mudah-mudahan mu tidak lupa untuk membala jasa orang tua mu*”. *Bersujudlahmu pada tanah, air, api dan angin atas segala sifat kebesaranNya*” (Din Che Dollah, 2016).

Petikan di atas pula menerangkan kepercayaan orang tua dahulu terhadap upacara adat turun tanah agar apabila dewasa kelak kanak-kanak dapat menggunakan kudrat fizikal tubuh badannya untuk berbakti pada tanah dan juga membala jasa orang tuanya. Doa yang dibacakan dalam upacara turun tanah akan menyebut perkara-perkara yang baik supaya apabila besar nanti, kanak-kanak ini menjadi anak yang baik dan menghormati ibu bapa. Oleh itu, dalam upacara turun tanah selalunya keluarga akan mengharapkan bomoh atau bidan akan membacakan doa-doa yang baik dengan harapan kanak-kanak ini dapat menikmati perjalanan hidup dengan baik dan mendapat keselamatan serta perlindungan daripada Allah serta menjadi seorang anak yang baik.

Peralatan besi seperti parang yang digunakan dalam gambar di atas menunjukkan simbolik untuk memberi kekuatan semangat kepada kanak-kanak berkenaan yang menyebabkan kanak-kanak berkenaan disebut “keras semangat” dalam loghat Kelantan. Adat turun tanah juga boleh dilakukan di halaman rumah, tanah sawah padi atau tanah perkuburan leluhur anak tersebut agar semangat arwah leluhur anak tersebut akan memberkati jiwa si anak yang telah menjalani upacara ini. Namun begitu, lazimnya upacara ini diadakan di halaman rumah sahaja bagi mempermudahkan urusan tuan rumah dan tetamu yang hadir. Menurut Mohammad Jalili Abdul Rahman (2000), petani percaya akan semangat padi yang memberi rezeki. Hal ini kerana, pekerjaan rutin manusia ialah menanam padi. Oleh sebab itu, adat turun tanah dilakukan agar manusia menghormati tanah yang telah banyak berjasa kepada manusia. Lebih-lebih lagi tanah termasuk dalam empat unsur alam dalam tubuh badan manusia iaitu air, api, angin atau tanah. Ketidakseimbangan unsur berkenaan boleh mengakibatkan seseorang akan jatuh sakit atau mudah untuk terkena penyakit.



GAMBAR 2. Upacara Mencecah Kanak-kanak ke Tanah

Sumber: Ihsan Azlina Musa 2016

Menurut bidan Jenab Daud (2014), selalunya, kenduri kendara akan diadakan untuk meraikan upacara turun tanah. Selain itu, kanak-kanak akan dipimpin oleh orang-orang tua yang berusia untuk menjekakkan kakinya ke tanah. Proses ini memerlukan tiga atau lima orang tua yang akan menjekakkan kaki kanak-kanak ke tanah. Selepas orang pertama menjekakkan kaki kanak-anak ke tanah, kanak-kanak akan diserahkan kepada orang kedua dan dia akan melakukan proses yang sama sehingga orang kelima. Selepas kelima-lima orang tua menjekakkan kaki kanak-kanak ke tanah, maka proses ini dianggap selesai. Orang tua yang melakukan proses ini dipilih daripada kalangan orang lelaki tua yang gagah, sihat, tangkas dan berani. Tujuannya agar kanak-kanak ini akan mempunyai sifat keberanian seperti orang tua yang dipilih. Manakala jika wanita tua berusia pula, mereka dipilih dalam kalangan orang yang sihat tubuh badan dan subur atau pun mempunyai bilangan anak yang ramai. Tujuannya supaya kanak-kanak yang menjalani upacara turun tanah akan beroleh kesuburan. Wanita mengandung atau wanita sedang dalam haid dilarang untuk mengampu kanak-kanak dalam upacara turun tanah. Ia dianggap tabu bagi masyarakat di daerah Pasir Mas kerana boleh mendatangkan kemudaran kepada kanak-kanak tersebut. Pantang larang atau tabu diamalkan dalam kebanyakan masyarakat di dunia, meskipun bentuk atau jenis tabu mungkin berbeza antara satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain (Petronella Apin & Kartini Abd Wahab, 2015).

Bidan Jenab (2014) menerangkan adat turun bayi ke tanah bertujuan agar bayi mengenal akan asal usul dirinya yang berasal dari tanah dan apabila bayi dewasa kelak mestilah memberi tabik hormat pada tanah sebagai sumber pencarian rezeki dan apabila dia meninggal dunia akan kembali tempat asal usulnya iaitu tanah. Di samping itu, adat turun tanah juga dilakukan supaya bayi mengenal kebesaran langit dan tanah ciptaan Tuhan sebagai alas kaki untuk berpijak. Bahkan adat turun tanah juga dilakukan untuk memulihkan semangat bayi sebagai satu cara untuk mengelakkan bayi terkena penyakit angkara makhluk ghaib. Justeru itu, kelahiran bayi ialah peralihan bayi dari kandungan dalam rahim ibu sehingga dilakukan upacara mencecah tanah untuk mengenal kebesaran alam. Dalam kepercayaan orang Melayu Kelantan, setelah selesai upacara turun tanah, kanak-kanak bebas di bawa keluar dari rumah atau pun ke mana jua tempat yang ia mahu pergi tanpa perlu dibimbangi digangu oleh hantu jembang yang menyebabkan penyakit. Oleh itu, upacara turun tanah dilakukan bertujuan untuk memohon keselamatan dan perlindungan terhadap kanak-kanak daripada gangguan makhluk jahat. Malahan upacara turun tanah juga dilakukan untuk melahirkan rasa kesyukuran kepada Tuhan (Allah) dan memohon keselamatan bagi ibu dan bayi agar diberikan perlindungan dan juga keselamatan.

Menurut bidan Jenab Daud (2014), setelah kanak-kanak dicecahkan ke tanah maka diadakan pula upacara mandi perlimau atau pun mandi limau. Kebiasaannya kanak-kanak akan dimandikan dengan air rebusan yang dibuat oleh bomoh atau bidan kampung dengan campuran limau purut dalam angka ganjil dan dibacakan bacaan jampi mantera kemudian bomoh akan memandikan keseluruhan anggota tubuh badan kanak-kanak termasuk kaki, kuku, rambut dan sebagainya yang bertujuan untuk membuang sial penyakit atau menolak bala dan menjauhkan kanak-kanak daripada penyakit yang menimpa ke atas tubuh badannya. Oleh itu, adat istiadat turun tanah dan mandi limau ialah simbolik yang menunjukkan kanak-kanak kanak-kanak terlepas daripada segala bala bencana dan juga penyakit-penyakit kulit. Berbeza dengan pandangan Harun Jaafar (2004) yang menyatakan, sebaik sahaja kanak-kanak itu tamat upacara memijak kaki ke tanah, kemudian diikuti pula dengan upacara bertindik telinga sekiranya kanak-kanak berkenaan ialah perempuan. Sekiranya diteliti, setiap amalan ritual yang dilakukan ke atas kanak-kanak adalah bertujuan untuk menjaga untuk keselamatan kanak-kanak daripada penyakit yang tidak diingini dan memulihkan semangat kanak-kanak sebagai orang baru yang dilahirkan ke dunia.

## KESIMPULAN

Turun tanah merupakan satu bentuk upacara menurunkan kanak-kanak untuk pertama kalinya mencecah kaki kanak-kanak ke tanah dengan bantuan bomoh atau bidan dengan bacaan doa. Tujuannya untuk mengenalkan kanak-kanak berkenaan kepada tanah. Amalan ini masih dilakukan di daerah Pasir Mas Kelantan dan dibauri dengan unsur animisme, Hindu Buddha dan Islam. Namun begitu, amalan ini selalunya disertakan dengan doa kepada Yang Esa agar kanak-kanak beroleh keselamatan dan kebaikan. Amalan turun tanah dilakukan melalui bantuan bomoh atau bidan kampung dengan bacaan doa untuk memohon keselamatan, perlindungan dan kebaikan atas tubuh badan kanak-kanak dan memberi kebaikan kepada kanak-kanak berkenaan. Selain itu, adat turun tanah dilakukan agar kanak-kanak dapat dijauhkan daripada gangguan semangat jahat yang boleh menyebabkan penyakit, memperteguhkan semangat kanak-kanak, beroleh tuah dan menolak bala.

Upacara turun tanah merupakan satu upacara menurunkan kanak-kanak dengan pertolongan bomoh atau bidan kampung untuk pertama kalinya mengenalkan kanak-kanak kepada asal usulnya. Walau bagaimanapun, adat turun tanah pada masa akan datang dikatakan kemungkinan akan dilupakan atau pun terus dipinggirkan oleh generasi muda mudi kerana jikalau diperhatikan anak-anak muda sekarang yang baru lepas bersalin atau pun belum habis berpantang sudah pun dibawa ke merata-rata dengan menaiki kenderaan dan sebagainya. Jikalau tiada orang tua-tua yang berusaha mempertahankan adat turun tanah ini kemungkinan suatu masa kelak upacara turun tanah ini akan pupus dek arus kemodenan. Seaandainya generasi muda tidak meminati warisan nenek moyang dahulu setidak-tidaknya ada pihak yang berusaha mendokumentasikannya dan memeliharaya sebagai warisan Negara.

## RUJUKAN

- Ab. Razak Ab. Karim. 2006. *Analisis Bahasa Alam Kitab Tib Pontianak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Jalal Ajmain, Sim Chee Wing & Sim Hock Hye. 1960. *Adat-adat Melayu*. Singapore: Educational Book Centre.
- Din Che Dollah. 2014. Adat Turun Tanah di Pasir Mas Kelantan. Temu bual 15 Jun.
- H. M. Nasruddin Anshoriy Ch & Sudarsono S. H. 2008. *Keakrifan Lingkungan dalam Perspektif Budaya Jawa*. Indonesia: Penerbit Yayasan Obor.
- H. M. Sidin. 1964. *Asal Usul Adat Resam Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Harun Jaafar. 2004. *Ikhtisar Kebudayaan dan Prosa Melayu Klasik*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ismail Hamid. 1980. Beberapa Ciri Kepercayaan Rakyat Melayu. *Jurnal Budaya Melayu*, 3(1), 130-143.
- Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jawiah Dakir & Wan Awang Wan Ali. 2010. *Sunnah dan Bidaah dalam Amalan Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jenab Daud. 2014. Adat Turun Tanah di Pasir Mas Kelantan. Temu bual 26 Julai.
- Maharam Mamat. 2015. Etika aAlam Sekitar dalam Novel Jong Chian Lai dari Perspektif Pribumi. *Jurnal Melayu*, 14(2), 171-189.
- Mohtar H. Md. Dom. 1979. *Traditions and Taboos*. Selangor: Federal Publications Sdn. Bhd.

- Mohammad Jalili Abdul Rahman. 2000. Tahayul Hiburan yang Berubah Menjadi Syirik. *Dewan Budaya*, Febuari, 20-21.
- Petronella Apin & Kartini Abd Wahab. 2015. Tabu Bahasa dalam Masyarakat Dusun di Daerah Ranau Sabah. *Jurnal Melayu*, 14(2), 224-239.
- Yahya Yaacob. 1982. Mencecah Tanah dalam Masyarakat Rawa. *Dewan Budaya*, Febuari, 10-11.
- Yusuf Qardhawy & Muhammad Al-Ghazali. 2004. *Bid'ah dan Syirik Perkara yang Membatalkan Tauhid atau Mengurangkan Kesempurnaan*. Kuala Lumpur: Penerbit Jasmin Enterpaise.
- Wan Ramli Wan Muhamad. 2006. *Adat Resam Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Zainab Ismail. 2014. Adat Turun Tanah di Pasir Mas Kelantan. Temu bual 10 April.
- Zulfikar Fu'ad. 2004. *Sifoni Kehidupan Seorang Bupati dari Panggung Artis ke Arena Politik*. Yogyakarta: Penerbit Media Pressindo.
- Zurina Abdullah & Muhammad Abdul Jalal Abdullah. 2019. Pengikisan Amalan Adat Perkahwinan Masyarakat Bugis: Kajian Kes Di Kampung Permatang Duku, Pontian, Johor. *Jurnal Melayu*, 18(2), 268-280.

#### Biodata Penulis:

**Azrina Musa** adalah pensyarah di Universiti Malaysia Terengganu. Bidang penyelidikan berkait dengan perubatan Melayu menggunakan keris.

**Yusmilayati Yunos (PhD)** adalah pensyarah kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang penyelidikan beliau ialah kajian manuskrip Melayu, tib Melayu dan Jawa.

**Muhammad Nazri Ahmad** adalah pensyarah kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang penyelidikan beliau teater, drama dan pengarahan.